

17/02/2001

Pemilihan bahagian patut bersih imej parti

JOHOR BAHRU, Jumaat - Mesyuarat pemilihan Umno bahagian April ini sepatutnya dijadikan gelanggang membersihkan imej parti daripada gejala politik wang atau kebendaan.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin berkata, inilah masanya setiap ahli menunjukkan komitmen terhadap parti dengan menolak calon yang menawarkan wang atau kebendaan daripada menerajui parti paa peringkat bahagian.

Menurutnya, sebagai ahli parti, mereka sepatutnya tidak membiarkan diri dipengaruhi pemimpin yang bertanding semata-mata mahu merebut tempat dengan menawarkan wang dan kebendaan sebagai ganjarannya.

"Umno bukan milik orang Umno sebaliknya dimiliki semua orang Melayu dan untuk itu setiap ahli perlu menunjukkan kesetiaan terhadap parti dan bukannya individu terutama yang sedia memberi ganjaran tertentu.

"Perkara ini sudah banyak kali ditegur Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan setiap ahli perlu mematuhi teguran itu dan sekali gus menolak gejala politik wang semata-mata ingin merebut tempat dalam parti," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan seminar Tatacara Tribunal Tuntutan Pengguna di Hotel Eden Garden, di sini, hari ini.

Seminar sehari disertai kira-kira 500 peserta itu dianjurkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan kerjasama Majlis Hal Ehwal Pengguna negeri.

(END)